



LICIK! HANYA BERBEKALKAN JANJI-JANJI MANIS ENAM HINGGA TUJUH WANITA MALAYSIA DITIPU WARGA AFRIKA SETIAP HARI. DIKENALI SEBAGAI SINDIKET LOVE SCAMS, POLIS DIRAJA MALAYSIA MEREKODKAN SEJUMLAH RM16 JUTA KERUGIAN DIALAMI MANGSA SEJAK AWAL TAHUN 2014.

Timbalan Pengarah Risikan Operasi Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Senior Asisten Komisioner Roslan Abdul Wahid, menerusi laporan akhbar Mingguan Malaysia bertarikh 23 Ogos lalu, menjelaskan perangkap cinta alam maya ini sangat membimbangkan.

"Sebanyak 561 kes telah dicatatkan dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini sahaja. Jumlah ini menunjukkan peningkatan melebihi 100 kes berbanding tahun-tahun sebelumnya. Kesemua mangsa ditipu dengan menggunakan modus operandi yang sama iaitu berkenalan dengan lelaki warga asing di laman sosial seperti Facebook, jatuh cinta dan terpedaya.

"Statistik menunjukkan 80 hingga 90 peratus mangsa terdiri daripada wanita Melayu. Ada juga mangsa dalam kalangan kaum Cina dan India, namun jumlahnya tidak seramai kaum Melayu. Kebanyakan mangsa berusia di antara 30 hingga 60-an, mempunyai pekerjaan yang baik, golongan profesional serta makan gaji.

"Jumlah kerugian mangsa di ibu negara yang direkodkan polis adalah sebanyak RM5.6 juta. Selangor mencatat kerugian sejumlah RM4.1 juta. Manakala kerugian lebih RM1 juta dicatatkan di Johor dan Melaka. Jumlah tersebut direkodkan dalam Op Tiong yang dilakukan pasukan JSJK tahun ini, namun dipercayai masih ramai mangsa yang tertipu dan malu membuat laporan," katanya sambil memberitahu, mangsa boleh menghubungi talian khas 03-26101599 untuk tindakan selanjutnya oleh polis.

Bersama **Zalifah Abdullah, Noridawati Nahrawi** dan **Nur Syahirah Ramli** merungkai persoalan mengenai perangkap cinta alam maya yang memerangkap wanita-wanita tempatan. Foto dirakamkan oleh **Shafiq Affendy** dan **Zulfaiz Zakaria**.

PERANGKAP CINTA ALAM MAYA

ctr. no. 0000274423
COM 2015/A01

computer - computer line

ps : 92-93

ELAK DEDAH DATA PERIBADI

PENIPUAN CINTA INTERNET ATAU INTERNET LOVE SCAM MERUPAKAN SINDIKET YANG MENGGUNAKAN MEDIA SOSIAL SEPERTI FACEBOOK, E-MAIL MAHUPUN CHAT SEBAGAI PLATFORM UNTUK MEMIKAT DAN MEMPERDAYAKAN MANGSA MENGGUNAKAN KATA-KATA MANIS.

Penyarah Jabatan Sains Komputer, Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat, Universiti Putra Malaysia, Nor Azura Husin menasihatkan para wanita agar tidak mendedahkan butiran peribadi kepada orang yang baru dikenali sebagai usaha untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan.

"Meskipun bukan mudah mengenal pasti identiti sebenar si penjenayah, kita perlu sentiasa mengambil langkah berhati-hati agar tidak menjadi mangsa penipuan. Justeru, data peribadi diri tidak wajar didedahkan sewenang-wenangnya kepada pengetahuan umum. Perkongsian maklumat peribadi ini boleh disalahgunakan oleh pihak bertanggungjawab untuk kepentingan dan keuntungan mereka. Antara data peribadi yang tidak seharusnya dikongsi adalah alamat rumah, sekolah, nombor kad pengenalan, butiran kad kredit, nama bank begitu juga nama ahli keluarga.

"Wanita juga perlu sentiasa berwaspada dan meningkatkan pengetahuan mengenai penipuan cinta Internet dengan mengetahui ciri-ciri penipuan, golongan yang selalu menjadi sasaran serta mengetahui sedikit sebanyak tip-tip keselamatan sewaktu menggunakan media sosial.

"Befikir secara logik dapat menyelamatkan wanita. Jangan terlalu mudah bersimpati. Biasanya, modus operandi si penjenayah mendapatkan wang dari mangsa dengan seribu satu alasan. Sekiranya alasan tersebut tidak munasabah, wanita perlu menjauhkan diri dengan segera supaya tidak terjebak dengan penipuan.

"Apabila membuat keputusan untuk menjalin hubungan dengan individu di Internet, wanita perlu bersikap ingin tahu dan menyiasat tentang

diri pasangannya. Untuk itu, tanyalah seberapa banyak soalan kepada pasangan untuk mengenali personaliti mereka dengan lebih mendalam. Jika perlu tanya kembali soalan tersebut pada waktu yang berbeza bagi menguji kejujuran pasangan.

"Jika pernah menjadi mangsa penipuan, maklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab serta kongsi pengalaman dan maklumat anda. Semoga dengan perkongsian anda dapat melindungi serta mengelak individu lain daripada menjadi mangsa seterusnya," katanya sambil menjelaskan wanita mudah menjadi mangsa kerana sikap mereka berhati lembut dan mudah cair dengan pujuk rayu.



Nor Azura Husin

tip KESELAMATAN SEWAKTU SESEI KOMUNIKASI ALAM MAYA

- 1 Pastikan anda mengenali orang yang memohon menjadi rakan dalam media sosial.
- 2 Jangan sewenang-wenangnya memberikan nombor telefon kepada orang yang baru anda kenali.
- 3 Sebaiknya gunakan e-mail atau laman sembang untuk berkomunikasi.
- 4 Buat panggilan (call) atau panggilan video (video call) secara mengejut. Seeloknya semasa anda sedang bersms bagi mengesan penipuan. Sekiranya mereka menolak panggilan tersebut, bermakna berkemungkinan berlaku penipuan.
- 5 Sekiranya anda berhubung menggunakan yahoo messenger, anda boleh menguji pasangan anda dengan memasang web camera. Sekiranya pasangan mengelak dengan memberi pelbagai alasan itu adalah petanda mereka sedang berdusta.
- 6 Jangan membuka email dari pihak yang tidak dikenali. Berkemungkinan mereka ingin mencuri data peribadi mangsa (phishing) dengan menghantar email SPAM yang mengandungi virus.
- 7 Elak daripada mendedahkan butiran peribadi keluarga, pekerjaan, alamat dalam profile media sosial seperti Facebook, Twitter atau Instagram. w

